YAP SWEE LAI & YANG LAIN

lwn.

MENTERI DALAM NEGERI, MALAYSIA & YANG LAIN

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, KUALA LUMPUR
MOHTAR ABDULLAH H
[PERMOHONAN JENAYAH NO. 44-1-91 & 44-2-91]
16 MAC 1991

TAFSIRAN STATUT: *Akta - Perintah tahanan - Kuasa mengeluarkan - Penahanan lebih dari 30 hari - Laporan segera - Jumlah salinan Borang I dan II - Penggunaan perkataan spesifik di dalam Ordinan - Ordinan Darurat (Ketenteraman Awam dan Mencegah Jenyah) 1969, ss. 3(3), (a), (b), (c), 4(1).*

TAHANAN PENCEGAHAN: *Perintah tahanan - Kuasa mengeluarkan penahanan lebih dari 30 hari - Laporan segera kepada Menteri Dalam Negeri - Penggunaan perkataan yang spesifik didalam Ordinan - Laporan segera sebelum tamatnya tempoh 30 hari - Jumlah salinan Borang I dan Borang II - Tarikh representasi dibuat - Kuasa Timbalan Menteri dibawah Ordinan - Keraguan - Kecacatan teknikal - Ordinan Darurat (Ketenteraman Awam dan Mencegah Jenayah) 1969, s. 3(1)(a), (b), (c), 4(1) - Kaedah - Kaedah (Prosedur) Ketenteraman Awam dan Mencegah Jenayah 1972, K. 3(2), 5(1) - Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985, s. 6(1).*

Kes ini melibatkan dua permohonan untuk writ *habeas corpus* oleh Y dan K.

Fakta kes Y

Y telah ditahan dibawah perintah tahanan yang dikeluarkan di bawah Ordinan Darurat (Ketenteraman Awam dan Mencegah Jenayah) 1969 (Ordinan Darurat). Pada 10 Oktober 1989, Y ditahan oleh Insp. YSS dibawah s. 3(3)(a) Ordinan Darurat untuk 24 jam dan pada 11 Oktober 1989 YSS telah diarahkan oleh Penguasa Polis H, dibawah s. 3(3)(b) untuk menahan Y selama 28 hari sehingga 7 November 1989. Selepas itu, Y telah ditahan atas arahan Timbalan Penguasa Polis TYH dibawah s. 3(3)(c) dari 8 November 1989 hingga 7 Disember 1989 dan penahanan Y bagi tempoh masa 30 hari yang kedua dicabar atas alasan:

(a) s. 3(3)(c) tidak memberi kuasa kepada TYH untuk memberi arahan supaya Y ditahan lebih daripada 30 hari;

(b) hal keadaan penangkapan dan penahanan Y tidak dilaporkan kepada Ketua Polis Negara atau pegawai yang ditetapkannya;

(c) tiada keterangan yang jelas menunjukkan bahawa S, Timbalan Pesuruhjaya Polis, telah melaporkan dengan segera kepada Menteri Dalam Negeri sebelum tamatnya penahanan 30 hari yang pertama

Fakta kes K

K mencabar penahanannya atas alasan:

(a) tidak ada pematuhan dengan kehendak K. 3(2) Kaedah - Kaedah Ketenteraman Awam dan Mencegah Jenayah 1972 (Kaedah tersebut) kerana dia tidak dibekalkan dengan dua salinan Borang I untuk membolehkannya membuat representasi kepada Lembaga Penasihat;

(b) ketidakpatuhan K. 5(1) mengenai notis dalam Borang II yang dikehendaki diberi kepada K dan

(c) penahanan K dibawah s. 3(3)(c) Ordinan Darurat Ketidakpatuhan adalah tidak sah disisi undang-undang diatas dasar yang sama seperti hujah (a) didalam kes Y di atas.

Diputuskan:

Kes Y

[1] Adalah tersirat dalam s. 3(3)(c) Ordinan Darurat bahawa kuasa adalah diberi kepada pegawai polis berpangkat Timbalan Penguasa Polis ke atas untuk memberi arahan untuk menahan seorang melebihi 30 hari; walaupun kuasa mengeluarkan arahan penahanan tidak disebut dengan spesifiknya di dalam s. 3(3)(c), sepertimana yang disebut di dalam s. 3(3)(a) dan (b), amalan pihak polis untuk mengeluarkan arahan rasmi bagi tahanan melebihi 30 hari adalah wajar pada melaksanakan maksud dan semangat s. 3(3)(c). Mungkin telah tiba masanya bagi pihak berkuasa berkenaan menimbangkan pindaan yang sesuai kepada s. 3(3)(c) supaya kuasa yang tersirat disuratkan dengan nyata dan terang.

[2] Walaupun dalam kes ini, afidavit Timbalan Penguasa Polis LSF dan afidavit S tidak menggunakan sesuatu perkataan atau ungkapan yang spesifik bagi menerangkan keadaan, sebagaimana yang disyaratkan oleh s. 3(3)(c), Mahkamah berpuashati bahawa laporan LSF mengenai sebab-sebab tangkapan dan penahanan Y adalah mencukupi bagi memenuhi kehendak s. 3(3)(c).

[3](a) Setelah laporan diterima oleh Ketua Polis Negara, beliau mesti membuat laporan kepada Menteri sebelum tarikh tamatnya penahanan 30 hari yang pertama dibuat dibawah s. 3(3)(b) - sekiranya laporan dibuat selepas tarikh tamatnya penahanan dibawah s. (3)(b), maka ini adalah bertentangan dengan maksud dan semangat s. 3(3)(c;

(b) disini, kegagalan Penasihat Undang-Undang berkenaan memastikan bahawa afidavit S menyebut dengan tepatnya bila laporannya kepada Menteri Dalam Negeri dibuat merumitkan dan melemahkan kes pihak responden;

(c) L berhak bergantung kepada kecacatan teknikal bagi mentaksahkan mana-mana perintah tahanan yang menyekat kebebasannya.

[Permohonan L untuk habeas corpus diluluskan.]

Kes K

[1] Penyampaian Borang I dibawah K. 3(2) adalah tanggungjawab pegawai yang menjaga dan bukanlah tanggungjawab polis - oleh sebab itu, tindakan pihak polis membekalkan K dengan satu salinan Borang I, yang melebihi kehendak prosedur dan tanggungjawab pihak polis bukanlah merupakan kecacatan prosedur atau ketidakpatuhan dengan kehendak K. 3(2).

[2] Walaupun afidavit pengarah penjara P berkata bahawa dia telah memberi tiga salinan borang tanpa menjelaskan apakah tiga Borang itu, memandangkan kepada K. 3(2) dan afidavit P keseluruhannya, Mahkamah berpuashati bahawa 3 borang yang diberikan kepada K untuk membuat representasi kepada Lembaga Penasihat ialah tiga salinan Borang I yang dimaksudkan didalam K. 3(2).

[3] Walaupun terdapat sekali lagi kelemahan penggubalan afidavit setiausaha Lembaga Penasihat mengenai kaedah 5(1) kerana afidavit Z tidak menyebut tarikh bila representasi dibuat oleh K dan kerana tidak pasti sama ada Borang II telah diserahkan kepada K, Mahkamah berpuashati bahawa kehendak prosedur dibawah K. 5 telah dipatuhi dan representasi K terhadap perintah tahanan dan kajian semula perintah tahanannya telahpun sempurna didengar oleh Lembaga Penasihat.

[4] Mahkamah menerimapakai pandangannya mengenai s. 3(3)(c) seperti nombor 2 didalam kes Y di atas.

[5](a) Satu perkara yang merunsingkan Mahkamah ialah kuasa Timbalan Menteri dibawah Ordinan Darurat oleh kerana dua afidavit yang telah dibuat oleh Timbalan Menteri dalam kes ini. Dalam afidavit yang pertama, Timbalan Menteri berkata bahawa dia mempunyai kuasa untuk menjalankan kuasa-kuasa Menteri dibawah s. 4(1) Ordinan Darurat - tetapi dalam afidavit tambahannya, beliau berkata bahawa kuasa tersebut ialah dibawah s. 6(1) Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985 dan bukannya dibawah s. 4(1) Ordinan Darurat. Mahkamah tidak memahami tujuan pemfailan afidavit tambahan kerana kes ini adalah kes dibawah Ordinan Darurat - jika Timbalan Menteri menafikan atau menidakkan kuasanya dibawah Ordinan Darurat, maka nyatalah raguan akan timbul sama ada beliau mempunyai kuasa Menteri untuk membuat perintah tahanan dibawah Ordinan Darurat dalam kes ini dan juga keraguan sama ada kehendak-kehendak prosedur telah benar-benar dipatuhi mengikut undang-undang yang betul, iaitu Ordinan Darurat dan bukannya Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985;

(b) afidavit tambahan Timbalan Menteri tersebut telah menzahirkan satu kecacatan teknikal yang amat serius akibat dari kelemahan penggubalan afidavit yang wujud dalam kes ini.

[Permohonan K diluluskan.]

Kes-kes yang dirujuk:

Tan Boon Aun lwn. Timbalan Menteri Dalam Negeri, Malaysia & Yg. Lain [1990] 3 CLJ (Rep) 171

Lim Kean Hong lwn. Timbalan Menteri Dalam Negeri, Malaysia & Yg. Lain [1990] 2 CLJ (Rep) 378

Liew Kim Swee lwn. Menteri Dalam Negeri dan & Yg. Lain [1991] 1 CLJ (Rep) 672

Perundangan yang dirujuk:

Dangerous Drugs (Special Preventative Measures) Act 1985, ss. 3(2)(a), (b), (c), 6(1)

Public Order and Prevention of Crime (Procedure) Rules 1972, rr. 3(2), 5(1)

Emergency (Public Order and Prevention of Crime) Ordinance 1969, ss. 3(3)(a), (b), (c), 4(1), (2)

Bagi pihak pemohon 1 - Tan Hock Chuan

Bagi pihak pemohon 2 - Kevin Kok

Bagi pihak kedua-dua responden - Noorbahri Baharuddin

PENGHAKIMAN

Mohtar Abdullah H:

Saya telah mendengar dua permohonan writ *habeas corpus* daripada Yap Swee Lai dan Kua Eng Hua pada 9 Mac 1991.

Permohonan Pertama - Permohonan Yap Swee Lai

Ini adalah satu permohonan untuk writ *habeas corpus* bagi membebaskan pemohon yang ditahan selama dua tahun mulai 7 Disember 1989 di Pusat Pemulihan Akhlak, Pulau Jerejak, Pulau Pinang di bawah Ordinan Darurat (Ketenteraman Awam dan Mencegah Jenayah) 1969 (selepas ini disebutkan "Ordinan Darurat"). Pemohon telah ditangkap pada 9 Oktober 1989, jam 3.45 petang oleh Inspektor Yap Sow Sing. Mengikut kuasanya s. 3(3)(a) Ordinan Darurat, pada 10 Oktober 1989 Inspektor Yap telah mengeluarkan arahan untuk menahan pemohon selama 24 jam lagi. Seterusnya, pada 11 Oktober 1989, Penolong Penguasa Polis Hadi Ho Abdullah telah arahkan supaya pemohon ditahan selama 28 hari lagi sehingga 7 November 1989 di bawah s. 3(3)(b). Penahanan pemohon setakat ini tidak dipertikaikan. Apa yang dipertikaikan oleh Encik Tan Hock Chuan, peguam yang bertindak bagi pihak pemohon, ialah penahanan selanjutnya bagi tempoh 8 November 1989 hingga 7 Disember 1989, yang dikatakan dibuat atas arahan Timbalan Penguasa Polis Tang Yau Hie mengikut s. 3(3)(c). Dengan kata lain, penahanan pemohon bagi tempoh masa 30 hari pertama tidak dipertikaikan tetapi penahanannya bagi tempoh 30 hari kedua adalah dicabar.

Encik Tan Hock Chuan mengutarakan empat alasan bagi mencabar kesahihan penahanan pemohon oleh pihak polis bagi tempoh masa kedua ini.

Alasan pertama: Bahawa s. 3(3)(c) tidak memberi kuasa kepada Timbalan Penguasa Polis Tang Yau Hie untuk memberi arahan supaya pemohon ditahan lebih daripada 30 hari.

Seksyen 3(3)(c) berbunyi:

> (c) orang itu tidak boleh ditahan lebih daripada tiga puluh hari melainkan seseorang pegawai polis yang berpangkat Timbalan Penguasa atau lebih tinggi telah melaporkan hal keadaan tangkapan dan tahanan itu kepada Ketua Polis Negara atau kepada pegawai polis yang ditetapkan oleh Ketua Polis Negara bagi maksud itu, dan Ketua Polis Negara atau pegawai polis yang ditetapkan olehnya itu, mengikut mana yang berkenaan, hendaklah segera melaporkannya kepada Menteri.

Dalam kes *Tan Boon Aun lwn. Timbalan Menteri Dalam Negeri Malaysia dan seorang lagi* [1990] 3 CLJ (Rep) 171, Hakim Datuk Edgar Joseph Jr. memberi pandangannya mengenai s. 3(2)(c) Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985 yang adalah in *pari materia* dengan s. 3(3)(c) Ordinan Darurat (kecuali perbezaan bilangan hari dalam kedua-dua seksyen itu).

> I note, however, that nowhere in s. 3(2)(c) do the words "with the authority" appear as they do in s. 3(2)(a) and (b). To repeat, s. 3(2)(c) merely requires the making of a report by an officer of the rank of Deputy Superintendent or above, as to the circumstances of the arrest and detention, to the Inspector General or a designated officer who shall forthwith report the same to the Minister, in order to justify continued detention for a period of more than 14 days.

Strictly, therefore, Deputy Superintendent Yeap's authorisation under s. 3(2)(c) was legally ineffective since there was no provision for it.

Dalam kes *Lim Kean Hong lwn. Timbalan Menteri Dalam Negeri,Malaysia dan seorang lagi* [1990] 2 CLJ (Rep) 378, isu yang sama telah dipertimbangkan oleh Hakim K.C. Vohrah (kini Dato' K.C. Vohrah), seperti berikut:

The question, however, may be asked whether there was any necessity for DSP Cheok to have issued the document of authorisation? My view is that there was no necessity for him to do so.

Unlike the two earlier provisos (a) and (b) which specifically do not permit detention exceeding specified hours "except with the authority of a police officer" of a certain rank or above there is no such specificity in proviso (c) relating to the need for authorisation by any police officer. I do not see any ambiguity in the language used in proviso (c). What is required as a condition precedent for detention beyond fourteen days is that before the expiry of the fourteenth day from the date of the arrest of the detainee, a police officer of or above the rank of Deputy Superintendent has reported the circumstances of the arrest and detention to the Inspector General or to a police officer designated by him in that behalf. Additionally the Inspector General or the designated officer has forthwith reported the same to the Minister.

Pada pandangan saya, dengan membaca s. 3(3) keseluruhannya, adalah amat nyata Ordinan Darurat ini memberi kuasa-kuasa tertentu bagi setiap peringkat penahanan seseorang dibawah Ordinan ini. Seseorang tidak bolehlah ditahan melebihi 30 hari kecuali dua prasyarat dipenuhi, iaitu:

(a) seorang pegawai polis berpangkat Timbalan Penguasa Polis atau lebih tinggi telah melaporkan hal keadaan tangkapan dan tahanan itu kepada Ketua Polis Negara (atau kepada pegawai polis yang ditetapkannya); dan

(b) pegawai berkenaan telah melaporkan dengan segeranya perkara itu kepada Menteri Dalam Negeri.

Jika kedua-dua prasyarat ini dipenuhi, maka penahanan selanjutnya melebihi 30 hari adalah sah di sisi undang-undang. Saya berpendapat adalah tersirat di dalam s. 3(3)(c) bahawa kuasa adalah diberi kepada pegawai polis berpangkat Timbalan Penguasa Polis ke atas untuk memberi arahan supaya seseorang tahanan ditahan selanjutnya melebihi 30 hari setelah dua prasyarat yang terkandung di dalam s. 3(3)(c) dipatuhi oleh pihak polis. Walaupun kuasa mengeluarkan arahan penahanan tidak disebut dengan spesifiknya didalam s. 3(3)(c), sepertimana disebutkan di dalam s. 3(3)(a) dan (b), amalan pihak polis untuk mengeluarkan arahan rasmi bagi tahanan melebihi 30 hari adalah wajar pada melaksanakan maksud dan semangat s. 3(3)(c). Mungkin telah tiba masanya bagi pihak berkuasa berkenaan menimbangkan pindaan yang sesuai kepada s. 3(3)(c) supaya kuasa yang tersirat disuratkan dengan nyata dan terang.

Alasan ini adalah ditolak.

Alasan kedua: Bahawa hal keadaan penangkapan dan penahanan pemohon tidak dilaporkan kepada Ketua Polis Negara (atau pegawai yang ditetapkannya).

Dalam afidavitnya, Timbalan Penguasa Polis Lee Suan Fatt menyebutkan bahawa dia telah memaklumkan kepada Timbalan Pesuruhjaya Polis, Dato' Samsuri bin Arshad, pegawai yang ditetapkan oleh Ketua Polis Negara bagi maksud s. 3(3)(c), di pejabatya

"**sebab-sebab tangkapan dan tahanan** terhadap pemohon Yap Swee Lai". Dalam afidavit Dato' Samsuri pula, beliau berkata bahawa Timbalan Penguasa Polis Lee Suan Fatt telah menyerahkan kepadanya "**laporan dan sebab-sebab mengenai tangkapan dan penahanan** pemohon Yap Swee Lai". Ungkapan-ungkapan yang digunakan oleh Timbalan Penguasa Polis Lee Suan Fatt dan Dato' Samsuri, dihujahkan oleh Encik Tan Hock Chuan, adalah tidak memenuhi kehendak s. 3(3)(c) yang mensyaratkan supaya "hal keadaan tangkapan dan tahanan" (the circumsatances of the arrest and detention) berkenaan dilaporkan kepada Ketua Polis Negara (atau pegawai yang ditetapkannya). Sekali lagi afidavit-afidavit pihak berkuasa menzahirkan kelemahan-kelemahan penggubalan afidavit-afidavit oleh Penasihat Undang-undang pihak berkuasa. Jika Penasihat Undang-Undang yang bertanggungjawab menyediakan dan menyemak afidavit saksi-saksinya sendiri sedar akan perlunya menghubungkaitkan fakta-fakta dalam afidavit-afidavit berkenaan dengan kehendak peruntukan undang-undang tertentu, maka masalah remeh seperti ini tidak akan timbul dalam perbicaraan. Jika sesuatu Akta mengguna sesuatu perkataan atau ungkapan yang spesifik bagi menerangkan sesuatu keadaan, maka adalah wajar perkataan atau ungkapaan yang sama digunakan didalam mana-mana afidavit bila merujuk kepada keadaan itu. Walaubagaimanapun, dalam kes ini, saya berpuashati bahawa laporan Timbalan Penguasa Polis Lee Suan Fatt mengenai sebab-sebab tangkapan dan penahanan pemohon adalah mencukupi bagi memenuhi kehendak s. 3(3)(c).

Alasan ini juga ditolak.

Alasan ketiga dan keempat: Bahawa tiada keterangan yang jelas menunjukkan bahawa Dato' Samsuri telah melaporkan dengan segera kepada Menteri Dalam Negeri sebelum tarikh tamatnya penahanan 30 hari yang pertama (iaitu sebelum 8 November 1989).

Bila laporan diterima olehnya di bawah s. 3(3)(c), Ketua Polis Negara (atau pegawai yang ditetapkannya) hendaklah "segera" (forthwith) melaporkannya kepada Menteri Dalam Negeri. Encik Tan Hock Chuan seterusnya menghujahkan bahawa laporan kepada Menteri itu hendaklah dibuat sebelum tarikh tamatnya penahanan 30 hari pertama yang dibuat di bawah s. 3(3)(b). Saya bersetuju kerana sekiranya laporan dibuat selepas tarikh tamatnya penahanan di bawah s. 3(3)(b), maka ini adalah bertentangan dengan maksud dan semangat s. 3(3)(c) yang tidak membenarkan penama ditahan lebih daripada 30 hari melainkan dua prasyarat tertentu itu dipenuhi. Saya dapati afidavit Dato' Samsuri tidak langsung menyebutkan bila dia melaporkan perkara berkenaan kepada Menteri Dalam Negeri. Dia telah menerima laporan dari Timbalan Penguasa Polis Lee Suan Fatt pada 7 November 1989, iaitu pada hari terakhir tempoh penahanan di bawah s. 3(3)(b), dan "**seterusnya** saya telah mengemukakan laporan dan sebab-sebab berkenaan untuk pengetahuan Y.B. Dato' Menteri Dalam Negeri di Kementeriannya". Walaupun perkataan "seterusnya" itu boleh ditafsirkan sebagai menunjukkan bahawa tindakan Dato' Samsuri diambil dengan segeranya, namun tidak terdapat sebarang keterangan dalam afidavit Dato' Samsuri atau dalam mana-mana afidavit yang lain yang menunjukkan bahawa Menteri Dalam Negeri telah dimaklumkan mengenai laporan ini pada hari itu juga (7 November 1989). Jika laporan dibuat kepada Menteri Dalam Negeri pada 8 November 1989 atau kemudian dari tarikh itu, ini bermakna bahawa pihak polis telah menahan pemohon selanjutnya, berkuatkuasa 8 November 1989, **sebelum** prasyarat kedua dalam s. 3(3)(c) dipatuhi.

Tindakan pihak polis membuat laporan kepada Ketua Polis Negara (atau kepada pegawai yang ditetapkannya) pada saat-saat terakhir adalah satu amalan yang kurang bijak, yang tidak memberi masa yang cukup untuk laporan yang wajib itu dikemukakan kepada Menteri. Di dalam kes ini kegagalan Penasihat Undang-undang berkenaan memastikan bahawa afidavit Dato' Samsuri menyebut dengan tepatnya bila laporannya kepada Menteri Dalam Negeri dibuat merumitkan dan melemahkan kes responden-responden.

Dalam kes *Liew Kim Swee lwn. Menteri Dalam Negeri dan seorang lagi* [1991] 1 CLJ (Rep) 672, saya telah menasihatkan bahawa:

> Keterangan dalam kes-kes *habeas corpus* adalah dengan afidavit-afidavit, dan jika kandungan afidavit-afidavit tidak mencukupi untuk membuktikan pematuhan kepada kehendak prosedur yang ditetapkan oleh undang-undang, maka walaupun pihak berkuasa mungkin mempunyai alasan yang baik dan munasabah untuk menahan seseorang yang memudaratkan keselamatan negara, Mahkamah akan terpaksa memerintahkan pembebasan orang tahanan itu.

Nasihat ini telah saya ulangi beberapa kali kemudian dalam permohonan-permohonan *habeas corpus* yang lain. Mujur bagi pihak berkuasa kelemahan-kelemahan afidavit dahulu itu tidak menjejaskan kes-kesnya. Malangnya pada kali ini, kelemahan di dalam afidavit pihak responden telah menimbulkan keraguan yang nyata menjejaskan kesnya, iaitu keraguan sama ada prasyarat kedua di bawah s. 3(3)(c) telah dipatuhi.

Perintah tahanan oleh Menteri Dalam Negeri tidak dipertikaikan oleh pemohon. Walaubagaimanapun, kelemahan teknikal berkaitan dengan penahanan oleh pihak polis, sepertimana disebutkan tadi, kini menjejaskan kesahihan penahanan pemohon. Pemohon berhak bergantung kepada kecacatan teknikal bagi mentaksahkan (invalidate) mana-mana perintah tahanan yang menyekat kebebasannya. Dengan penahanan pemohon di bawah s. 3(3)(c) kini dibuktikan cacat, atau tidak dibuktikan sempurna, saya berpuashati bahawa permohonannya untuk writ *habeas corpus* hendaklah diluluskan.

Permohonan Kedua - Permohonan Kua Eng Hua:

Ini adalah permohonan kedua untuk writ *habeas corpus* yang didengar oleh saya pada hari yang sama (9 Mac 1991).

Pemohon mencabar penahanannya di atas beberapa alasan:

Alasan-alasan pertama dan kedua: Bahawa tidak ada pematuhan dengan kehendak K. 3(2) Peraturan-peraturan (Prosedur) Ketenteraman Awam dan Mencegah Jenayah 1972.

K. 3(2) Peraturan ini adalah seperti berikut:

> (2) It shall be the duty of the Officer in Charge, when informing any detained person of his right to make representations, to provide him with two copies (or, if the detained person states that he intends to engage an advocate to represent him, three copies) of Form I in the Schedule.

Mula-mulanya pemohon mendakwa bahawa dia telah diberi hanya satu salinan Borang I sepertimana disebut di mukasurat 2, perintah tahanan, di mana Inspektor Yap Sow Sing dan Inspektor Tai ChengBoon memperakui bahawa mereka telah menyampaikan,

di antara lain, "satu (1) salinan Borang I untuk membolehkan banduan mengemukakan rayuan terhadap perintah tahanan kepada Pengerusi Lembaga Penasihat". Penyampaian Borang I di bawah kaedah 3(2) adalah tanggungjawab pegawai yang menjaga (officer in charge) mana-mana tempat tahanan (iaitu tempat tahanan sepertimana diperuntukkan oleh Menteri Dalam Negeri di bawah s. 4(2) Ordinan Darurat - dalam kes ini ialah Pusat Pemulihan Akhlak, Pulau Jerejak, Pulau Pinang). Ini bukanlah tanggungjawab pihak polis. Oleh kerana itu, tindakan pihak polis membekalkan pemohon dengan satu salinan Borang I, yang melebihi kehendak prosedur dan tanggungjawab pihak polis, bukanlah merupakan kecacatan prosedur atau ketidakpatuhan dengan kehendak kaedah 3(2) itu.

Kemudiannya pemohon mendakwa pula dia tidak dibekalkan dengan dua salinan Borang I untuk membolehkannya membuat representasi kepada Lembaga Penasihat. Dalam afidavitnya, Encik Premjeit Singh, Pengarah Penjara, Pusat Pemulihan Akhlak, Pulau Jerejak, Pulau Pinang berkata:

> Merujuk kepada afidavit pemohon beliau telah dibawa masuk ke Pusat Pemulihan Akhlak, Pulau Jerejak pada 4 Oktober 1988 di bawah s. 4(1) Ordinan Darurat (Ketenteraman Awam dan Mencegah Jenayah) 1969. Sebaik sahaja pemohon tiba, saya telah menerangkan kepada pemohon tentang haknya untuk membuat representasi kepada Lembaga Penasihat dan seterusnya memberi tiga (3) borang untuk membolehkannya berbuat demikian.

Encik Kevin Kok menghujahkan bahawa tidak jelas apakah tiga borang yang telah diberi oleh Encik Premjeit Singh kepada pemohon. Ini adalah satu lagi contoh kelalaian dalam penggubalan afidavit pihak responden sepertimana saya selalu perkatakan dahulu. Walau bagaimanapun, memandangkan kepada K. 3(2) dan kandungan afidavit Encik Premjeit Singh keseluruhannya, saya berpuashati tiga borang yang diberikannya kepada pemohon untuk membuat representasi kepada Lembaga Penasihat ialah tiga salinan Borang I yang dimaksudkan di dalam K. 3(2).

Oleh yang demikian, alasan-alasan ini adalah ditolak.

Alasan ketiga: Bahawa tidak ada pematuhan kepada kehendak K. 5(1).

Mengikut K. 5(1) bila representasi daripada seseorang tahanan diterima oleh Setiausaha Lembaga Penasihat yang menyatakan bahawa orang tahanan itu berhajat hadir atau diwakili di hadapan Lembaga Penasihat, maka satu notis dalam Borang II hendaklah diserahkan kepada orang tahanan itu atau kepada peguamnya, jika ada, memaklumnya mengenai persidangan Lembaga Penasihat bagi tujuan mendengar representasinya. Encik Kevin Kok menghujahkan bahawa afidavit pertama Puan Zainab bt. Saad, Setiausaha Lembaga Penasihat, tidak menyebut tarikh bila representasi dibuat oleh pemohon. Juga, dihujahkan lagi, adalah tidak pasti sama ada Borang II diserahkan kepada pemohon. Dukacitanya, kelemahan penggubalan afidavit pihak responden ketara sekali lagi. Setelah mengkaji afidavit-afidavit pertama dan kedua Puan Zainab, saya berpuashati bahawa kehendak prosedur di bawah K. 5 telah dipatuhi dan representasi-representasi pemohon terhadap perintah tahanan dan kajian semula perintah tahanannya telahpun sempurna didengar oleh Lembaga Penasihat.

Alasan ini juga ditolak.

Alasan keempat: Bahawa penahanan di bawah 3(3)(c) adalah tidak sah di sisi undang-undang.

Encik Kevin Kok menerimapakai hujah Encik Tan Hock Chuan dalam permohonan pertama bahawa s. 3(3)(c) tidak memberi sebarang kuasa kepada pegawai polis berkenaan untuk memberi arahan penahanan melebihi 30 hari yang pertama. Saya telahpun memberi pandangan saya mengenai wujudnya kuasa ini yang tersirat di dalam s. 3(3)(c). Di dalam kes ini saya berpuashati bahawa kedua-dua prasyarat di dalam s. 3(3)(c) telah dipenuhi oleh pihak polis. Oleh yang demikian, tidaklah ada sebarang kecacatan berkaitan dengan arahan penahanan di bawah s. 3(3)(c). Arahan-arahan penahanan di bawah s. 3(3)(a) dan (b) tidaklah dipertikaikan.

Alasan ini juga ditolak.

Akhir sekali, saya ingin menyentuh mengenai satu perkara yang amat merunsingkan saya dalam kes ini, iaitu mengenai kuasa Timbalan Menteri di bawah Ordinan Darurat. Di dalam afidavit pertamanya, Dato' Megat Junid bin Megat Ayob, Timbalan Menteri Dalam Negeri, Malaysia telah berikrar (di perenggan 4):

> Di bawah Perkara 43A Perlembagaan Persekutuan, saya diperlukan membantu Menteri Dalam Negeri dan bagi maksud sedemikian saya mempunyai kuasa untuk menjalankan kuasa-kuasa Menteri di bawah s. 4(1) Ordinan Darurat (Ketenteraman Awam dan Mencegah Jenayah) 1969.

Ini tidak dipertikaikan dan adalah sepertimana yang termaktub di dalam Perkara 43A(2) yang berbunyi:

> Timbalan-timbalan Menteri hendaklah membantu Menteri-menteri pada menjalankan kewajipan-kewajipan dan tugas-tugas mereka, dan bagi maksud tersebut hendaklah mempunyai segala kuasa Menteri-menteri.

Tetapi apa yang memeranjatkan saya, serta menimbulkan keraguan, ialah afidavit tambahan Dato' Megat Junid yang difailkan bagi tujuan membetulkan perenggan 4 afidavit pertamanya itu. Di dalam perenggan 4 afidavit tambahan Y.B. Timbalan Menteri itu, beliau berikrar:

> Merujuk kepada perenggan 4 afidavit terdahulu saya, di bawah Perkara 43A Perlembagaan Persekutuan, saya diperlukan untuk membantu Menteri Dalam Negeri dan mempunyai kuasa untuk menjalankan kuasa-kuasa Menteri **di bawah s. 6(1) Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985 dan bukannya di bawah s. 4(1) Ordinan Darurat (Ketenteraman Awam dan Mencegah Jenayah) 1969.**

Saya tidak faham apakah tujuan Penasihat Undang-undang bagi pihak responden-responden memfailkan afidavit tambahan ini. Ini adalah satu kes dibawah Ordinan Darurat, dan pemohon telah ditahan dibawah perintah tahanan yang dibuat oleh Timbalan Menteri dibawah s. 4(1) Ordinan Darurat. Kini Timbalan Menteri telah disuruh mengikrarkan bahawa kuasanya di dalam kes ini adalah sebenarnya di bawah s. 6(1) Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985 dan **bukannya** di bawah Ordinan Darurat. Adakah Timbalan Menteri kini menafikan atau menidakkan kuasanya di bawah Ordinan Darurat (sekurang-kurangnya di dalam kes ini)? Jika itulah maksud beliau (sepertimana dizahirkan dalam afidavit tambahannya ini), maka nyatalah keraguan akan timbul sama ada beliau mempunyai kuasa Menteri untuk membuat perintah tahanan dibawah Ordinan Darurat di dalam kes ini. Keraguan juga akan timbul sama ada kehendak-kehendak prosedur telah benar-benar dipatuhi mengikut undang-undang yang betul, iaitu Ordinan Darurat dan bukannya Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985.

Sepertimana yang saya katakan awal tadi pemohon berhak bergantung kepada kecacatan teknikal bagi mentaksahkan perintah tahanannya. Afidavit tambahan Timbalan Menteri ini telah menzahirkan satu kecacatan teknikal yang amat serius (akibat dari kelemahan penggubalan afidavit sepertimana saya sebut-sebutkan tadi).

Oleh yang demikian saya tiada jalan lain kecuali terpaksa membenarkan permohonan ini juga.

Also found at [1991] 2 CLJ 1137